

PM tak mahu **ahliz** UMNO habiskan **masa rebut tempat**

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Ahli-ahli UMNO hari ini sekali lagi diingatkan supaya jangan menghabiskan masa untuk berebut-rebut tempat bagidiri sendiri atau memikirkkan siapa akan menggantikan siapa.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika membuat ingatan ini berkata, UMNO yang akan menghadapi cabaran abad yang ke-21 sudah tidak mempunyai masa untuk memikirkkan itu semua.

Sebaliknya, kata beliau, UMNO memerlukan ahli-ahli yang kukuh, berdisiplin dan tersusun rapi untuk menjayakan Wawasan 2020.

Menegaskan demikian ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Daangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini, beliau juga mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa mereka tidak perlu kepada 'klik' atau 'team'.

"Kita tidak mempunyai masa untuk tafsiran yang karut mengenai Islam. Kita tidak mempunyai masa untuk berebut-rebut tempat bagidiri kita sendiri dan kita

tidak perlu tanya siapa akan menggantikan siapa.

"Malah kita tidak perlu kepada klik dan team kerana kita tidak perlu kepada pembaziran masa dengan berbagai-bagai ramalan dan tafsiran karut kerana yang diperlukan menjelang abad ke-21 ini ialah UMNO yang kukuh dan penuh disiplin," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Kata beliau, UMNO yang tersusun rapi untuk menjayakan Wawasan 2020 dan cita-cita agama serta bangsa adalah perjuangan yang diperlukan daripada ahli-ahli sekarang.

Perdana Menteri berkata, beliau memberi ingatan ini kerana bimbang ahli-ahli UMNO akan lupa kepada tanggungjawab utama mereka da asyik memikirkan soal siapa akan menggantikan siapa dan jawatan sahaja.

Pejuang-pejuang kemerdekaan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, tidak memikir dan terfikir untuk mendapatkan sesuatu bagi diri mereka sendiri.

Katanya, tumpuan mereka adalah kepada maruah bangsa, agama dan negara.